

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR
DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
(BAHAGIAN RAYUAN DAN KUASA-KUASA KHAS)
PERMOHONAN SEMAKAN KEHAKIMAN NO: WA-25-313-10/2018**

Dalam perkara Aturan 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 dan/atau bidangkuasa sedia ada Mahkamah;

Dan

Dalam perkara mengenai pelaksanaan dan/atau pelancaran Sistem Lelongan Awam Bagi harta Tak Alih Secara Dalam Talian (e-Lelong) oleh Mahkamah Tinggi Malaya;

Dan

Dalam perkara berkaitan Arahan Amalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya Bilangan 1 Tahun 2014, Arahan Amalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya Bilangan 2 Tahun 2016, Arahan Amalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya Bilangan 1 Tahun 2017 dan Arahan Amalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya Bilangan 1 Tahun 2018;

Dan

Dalam perkara Seksyen 256, 259, 266(1) Kanun Tanah Negara 1965;

Dan

Dalam perkara Seksyen 3(1), Seksyen 3(2) Enekmen Jualan Lelong F.M.S. Cap 81 [No.2 pada 1929];

Dan

Dalam perkara 5(1) dan 8(1)
Perlembagaan Persekutuan.

ANTARA

MAJLIS PELELONG MALAYSIA

...PEMOHON

DAN

PENDAFTAR MAHKAMAH TINGGI MALAYA

...RESPONDEN

PENGHAKIMAN

Pendahuluan

[1] Ini adalah permohonan semakan kehakiman oleh pemohon untuk mendapatkan perintah-perintah seperti berikut :

- (i) Satu perintah certiorari bagi membatalkan keputusan dan/atau arahan melalui arahan amalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya Bilangan 1 Tahun 2018 bertarikh 23.7.2018 dan/atau mana-mana keputusan dan/atau arahan lain bagi tujuan untuk melaksanakan dan/atau melancarkan Sistem Lelongan Awam Bagi Harta Tak Alih Secara Dalam Talian ("e-Lelong") yang sepatutnya berkuatkuasa mulai 1.8.2018;

- (ii) Satu deklarası bahawa kesemua pelelong awam mempunyai hak untuk mengendalikan kesemua lelongan awam di bawah kendalian Mahkamah seperti mana yang telah dikendalikan sebelum daripada penguatkuasaan Arahan Amalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya Bilangan 1 Tahun 2018, seperti sedia kala sebelum daripada itu, di bawah peruntukan Perkara 5 dan/atau 8 Perlembagaan Persekutuan.

Ringkasan Fakta

[2] Ringkasan fakta berhubung permohonan semakan kehakiman ini adalah seperti berikut :

- (i) Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya, menurut peruntukan 31A Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 telah mengeluarkan Arahan Amalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya Bilangan 1 Tahun 2018 bertarikh 23.7.2018.
- (ii) Arahan ini adalah berkaitan mengendalikan prosiding halang tebus dan lelongan awam harta tidak alih secara elektronik di Mahkamah Tinggi Malaya atau dikenali sebagai 'sistem e-Lelong'.
- (iii) Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya dalam afidavit jawapannya di perenggan 9 menjelaskan pelaksanaan sistem e-Lelong ini adalah seperti berikut :

"9. *Saya ingin menjelaskan bahawa pelaksanaan Sistem e-Lelong di Mahkamah Tinggi Malaya adalah seperti berikut :*

- 9.1 *Sistem e-Lelong adalah merupakan inisiatif transformasi Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan untuk mengubah proses kerja lelong awam harta tak alih secara manual kepada secara dalam talian;*
- 9.2 *Sistem e-Lelong ini merupakan kesinambungan perkhidmatan secara dalam talian yang disediakan oleh Mahkamah;*
- 9.3 *Pelaksanaan Sistem e-Lelong telah mendapat persetujuan daripada Jemaah Menteri dan telah dilaksanakan sebagai projek rintis (pilot project) bermula pada 1.6.2017 di Mahkamah Tinggi Kuantan;*
- 9.4 *Pada 1.6.2018, Sistem e-Lelong ini telah diperluas ke tiga lokasi lain, iaitu Mahkamah Tinggi Malaya di Temerloh, Ipoh dan Taiping;*
- 9.5 *Sebelum Sistem e-Lelong ini diperkenalkan, proses lelong awam harta tak alih di Mahkamah Tinggi Malaya dilaksanakan secara manual di 15 lokasi Mahkamah Tinggi Malaya di seluruh Semenanjung Malaysia melibatkan pelbagai pihak iaitu pegawai Mahkamah, pembida, institusi kewangan yang diwakili oleh peguam dan pelelong berlesen;*
- 9.6 *Proses lelong awam harta tak alih secara manual ini masih lagi dilaksanakan pada masa kini di Mahkamah Tinggi yang masih belum melaksanakan Sistem e-Lelong;*
- 9.7 *Sistem e-Lelong dipekenalkan setelah Badan Kehakiman mengkaji dan meneliti aduan dan maklumat awam berhubung dengan kelemahan yang ada dalam proses lelong awam secara manual di Mahkamah antara lainnya berkenaan keperluan pembida untuk hadir sendiri ke Mahkamah pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan untuk membida, kesukaran pihak Mahkamah untuk mengawal kehadiran pihak ketiga dan ahli sindiket yang mengganggu pembida bagi tujuan*

menggagalkan lelongan awam, kurangnya penyertaan pembida dalam sesi lelongan awam atas sebab hebahan yang terhad serta medium pengiklanan konvensional, amaun komisen yang perlu dibayar oleh pemegang gadaian kepada pelelong berlesen walaupun lelongan tidak berjaya dijalankan, jumlah komisen yang layak diterima oleh pelelong berlesen yang berbeza mengikut peruntukan Enakmen di negeri-negeri serta pengendalian sesi lelong awam oleh pelelong berlesen yang dilantik Mahkamah;

9.8 *Proses lelong awal harta tak alih dilaksanakan secara dalam talian (online) demi meningkatkan ketelusan dan efisiensi proses bidaan secara keseluruhan;*

9.9 *Melalui Sistem e-Lelong, pembida yang berminat perlu berdaftar sebagai pembida di laman web e-lelong dan proses bidaan akan dibuat tanpa memerlukan kehadiran pembida ke Mahkamah pada hari lelongan; dan*

9.10 *Segala transaksi lelong awam secara atas talian ini dikendalikan dan dipantau sepenuhnya oleh pegawai Mahkamah dan segala butiran transaksi direkodkan dalam Sistem e-Lelong dan boleh dikesan (forensic auditing)."*

(iv) Pihak pemohon pula membantah pelaksanaan sistem e-Lelong ini dengan alasan-alasan seperti yang dinyatakan di dalam affidavit sokongan oleh Presiden pemohon di perenggan 16 iaitu seperti berikut :

"16 ... Antara sebab-sebab bantahan yang dikemukakan oleh Pemohon adalah seperti berikut :

16.1 *Pelaksanaan sistem e-Lelong tersebut akan memusnakan kerjaya Pelelong Berlesen di seluruh*

Malaysia yang telah membantu Mahkamah dalam menjalankan proses lelongan awam di Mahkamah Tinggi Malaya secara manual sejak tahun 1926 lagi.

- 16.2 *Tiada sebarang jaminan bahawa amalan sistem e-Lelong tersebut akan menghapuskan dan/atau mengurangkan isu sindiket / cartel.*
- 16.3 *Tiada sebarang jaminan bahawa pihak-pihak yang berurusan secara e-Lelong akan mengamalkan dasar ketelusan ("transparency"), keadilan dan/atau kejujuran sekiranya sistem e-Lelong tersebut dilaksanakan secara atas talian.*
- 16.4 *Sekiranya berlaku sebarang kesilapan sewaktu proses e-Lelong berjalan, ianya tidak dapat diperbetulkan serta merta kerana proses tersebut tidak dilakukan di hadapan Pegawai Mahkamah yang bertugas, Pelelong, pihak bank dan/atau penawar-penawar yang lain.*
- 16.5 *Pelaksanaan sistem e-Lelong akan memberi kuasa yang luas kepada Pendaftar Mahkamah untuk mengambil alih tugas Pelelong Berlesen dalam mengendalikan proses lelongan awam, sekaligus bercanggah dengan dan/atau melanggar Kanun Tanah Negara 1965 dan/atau Enakmen Jualan Lelong 1929 dan/atau Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.*
- 16.6 *Sistem e-Lelong telah melanggar prinsip dasar awam (public policy) dan kepentingan awam (public interest).*
- 16.7 *Sistem e-Lelong akan membuka ruang yang luas kepada masalah penipuan atas talian dan/atau manipulasi oleh pihak-pihak tertentu yang sukar dikawal oleh pihak Mahkamah memandangkan proses yang dijalankan adalah tidak telus dan tidak terbuka."*

Alasan-Alasan Berhubung Permohonan Semakan Kehakiman Ini

[3] Berdasarkan Pernyataan pemohon di bawah Aturan 53 Kaedah 3(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, alasan-alasan pemohon bagi membuat semakan kehakiman ini adalah seperti berikut :

- (i) Keputusan responden melaksanakan sistem e-Lelong ini adalah bertentangan dengan Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan kerana pelaksanaan sistem ini menyebabkan pelelong-pelelong di Malaysia kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan mereka.
- (ii) Sistem e-Lelong ini bertentangan dengan prinsip undang-undang dan merupakan suatu ketidakaturan prosedur atas sebab-sebab berikut :
 - (a) Hanya pelelong berdaftar dan diberikan lesen di bawah seksyen 3(2) Enakmen Jualan Lelong boleh menjalankan proses lelongan awam. Selain itu, seksyen 259(1) Kanun Tanah Negara memperuntukkan lelongan awam dijalankan dengan bantuan Pelelong awam.
 - (b) Setiap lelongan awam perlu dilaksanakan di tempat terbuka bagi memastikan ketelusan dan keadilan.
 - (c) Peruntukan fi 3% dari harga rizab hartanah yang dilelong untuk dibayar kepada Akauntan Negara Malaysia adalah bertentangan dengan prinsip undang-undang di mana

Mahkamah tidak sewajarnya membuat sebarang keuntungan.

- (d) Pusat e-Lelong dikendalikan oleh pihak swasta lain bersama dengan Pendaftar.
- (iii) Pelaksanaan sistem e-Lelong ini adalah tidak munasabah dan/atau tidak adil kerana tugas, peranan dan tanggungjawab pelelong telah diketepikan dan/atau disingkirkan.
- (iv) Perlaksanaan sistem e-Lelong ini melanggar prinsip keadilan asasi kerana memprejudiskan Penggadai kerana hak Penggadai untuk hadir lelongan awam tersebut adalah dinafikan. Seterusnya hanya Penawar yang telah mendepositkan 10% daripada harga rizab sahaja yang dibenarkan membuat bidaan.

Hujah Pihak Responden

- [4]** Pihak responden membangkitkan isu awalan bahawa pelaksanaan e-Lelong ini tidak boleh diadili (non-justiciable) kerana ianya melibatkan pertimbangan polisi yang telah diluluskan oleh Kabinet.
- [5]** Seterusnya diujahkan bahawa perlantikan pelelong dalam lelongan awam berdasarkan seksyen 259(1) Kanun Tanah Negara adalah bukan kehendak mandatori tetapi hanya untuk membantu pegawai mahkamah.

- [6] Selanjutnya, pihak responden berhujah bahawa Amalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Bilangan 1 Tahun 2018 tersebut yang dikeluarkan selaras dengan Kanun Tanah Negara dan Aturan 31A adalah sah di sisi undang-undang dan mempunyai kuatkuasa undang-undang.

Keputusan Mahkamah Ini

- [7] Prinsip undang-undang yang mantap adalah jelas bahawa sebarang keputusan yang dilaksanakan dalam menjalankan tugas dan fungsi awam boleh dibuat semakan kehakiman atas alasan keputusan tersebut dicemari dengan kesalahan undang-undang, tidak munasabah dan ketidakaturan prosedur.

(Akira Sales & Service (M) Sdn Bhd v Nadiah Lee Abdullah & Another Appeal [2018] 2 CLJ 513 FC, R Ramachandran v Industrial Court of Malaysia & Anor [1977] 1 CLJ 147).

- [8] Dalam kes ini, pertimbangan awal yang perlu diberikan adalah berhubung isu sama ada pelaksanaan e-Lelong ini adalah boleh diadili (justiciable) kerana melibatkan isu pertimbangan polisi.
- [9] Pertamanya, mahkamah mendapati pelaksanaan sistem e-Lelong iaitu secara elektronik ini melibatkan perkara atau keputusan dasar yang dibuat bagi menggantikan sistem lelongan awam secara manual sebelum ini. Ianya jelas melibatkan pertimbangan polisi.
- [10] Ini disahkan lagi oleh Pendaftar Mahkamah Tinggi dalam afidavit jawapannya di **perenggan 7** yang menyatakan :

“7. Saya menyatakan bahawa pelaksanaan sistem e-Lelong ini adalah perkara/keputusan dasar dan Arahan Amalan Bil. 1/2018 memperincikan pengendalian prosiding halang tebus dan lelong

awam harta tak alih secara elektronik di Mahkamah Tinggi Malaya selaras dengan Aturan 31A Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.”

- [11] Pihak responden berhujah bahawa perkara yang melibatkan pertimbangan polisi tidak boleh diadili atau dibuat semakan oleh Mahkamah (non-justiciable).
- [12] Berhubung perkara ini, undang-undang adalah jelas bahawa sebarang keputusan yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan atau undang-undang bertulis yang lain adalah tertakluk untuk dibuat semakan kehakiman.
- [13] Prinsip dalam kes Mahkamah Rayuan, ***Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan v Transport Workers’ Union [1995] 2 CLJ 748***, adalah bersesuaian dirujuk di mana diputuskan seperti berikut :

“[6] An inferior tribunal or other decision-making authority, whether exercising a quasi judicial function or purely an administrative function, has no jurisdiction to commit an error of law and it is no longer of concern whether the error is jurisdictional or not. Such distinction ought no longer to be maintained. If there is an error of law upon which the award of the tribunal is founded, such error whether of interpretaion or otherwise must necessarily be without jurisdiction or in excess of jurisdiction. It follows that the decision of the Board in South East Asia Fire Bricks v Non-Metallic Mineral Products Manufacturers Employees Union & Ors. [1981] A.C. 363, and all those cases approved by it, are no longer good law.

By the same token, the cases of Kanan v. Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat [1974] 1 MLJ 90 and Lian Yit Engineering Works Sdn Bhd v. Loh Ah Fon & Ors [1974] 2 MJ 41, though disapproved or overruled by the Board, must now be taken to have always correctly stated the law.

[7] Since an inferior tribunal has to jurisdiction to make an error of law, its decisions will not be immunized from judicial review by an ouster clause, however widely drafted. The ouster clause in s. 33B(1)

of the Act, therefore, does not disable the High Court from exercising its judicial review of awards of the Industrial Court”

- [14] Prinsip undang-undang di sini adalah pembuat keputusan yang melaksanakan tugas dan fungsi awam tidak boleh melakukan kesalahan undang-undang dan jika ianya berlaku, tindakan untuk semakan kehakiman boleh dilaksanakan di bawah **Aturan 53 kaedah 2, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012** yang menyatakan :

“Any person who is adversely affected by the decision, action or omission in relation to the exercise of the public duty or function shall be entitled to make the application.”

- [15] Kembali kepada kes pemohon, keputusan melaksanakan sistem e-Lelong ini telah dibuat dan diterjemahkan dengan pengeluaran Arahan Amalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Bil. 1 Tahun 2018. Keputusan ini adalah dalam menjalankan tugas awam responden. Sehubungan itu ianya tertakluk kepada tindakan semakan kehakiman dan boleh diadili (justiciable).

- [16] Berhubung dengan merit kes ini pula, pelaksanaan system e-Lelong ini adalah selaras dengan peruntukan undang-undang iaitu **Aturan 31A**, terutama **Kaedah 7** yang menyatakan :

“e-Lelong System (O.31A, r.7)

7. (1) In any cause or matter relating to any immovable property where it appears necessary or expedient for the purposes of the cause or matter that the immovable property or any part thereof should be sold, the Court may order that the sale shall be by way of e-Lelong System.”

[17] Selanjutnya, di dalam Kanun Tanah Negara, perlantikan pelelong berlesen dalam proses lelongan awam adalah atas budibicara Mahkamah dan bukan merupakan suatu kehendak mandatori untuk membuat perlantikan berkenaan dalam melaksanakan proses lelongan awam.

[18] **Seksyen 259 (1) dan (2)** Kanun Tanah Negara menyatakan :

“(1) Every sale pursuant to an order under section 256 shall take place under the direction of an officer of the Court, but this subsection shall not prevent the Court taking the assistance thereof of any licence auctioneer.

(2) The officer under whose direction the sales place shall—

(a) receive the bids (including any bid by or on behalf of the charge);

(b) settle summarily any question arising in the course of the proceedings;

(c) in the absence of any bid at or above the reserve price, withdraw the land or lease in question from the sale, direct that it be put up for auction on a subsequent date, either at the same or at the new reserve price, and see that the subsequent sale is publicly advertised in the like manner; and

(d) subject to paragraph (c), declare the sale concluded in favour of the highest bidder.”

[19] Jelas dari peruntukan seksyen 259(1) dan (2) ini, peranan utama dalam sesuatu lelongan awam dimainkan oleh pegawai Mahkamah dan Mahkamah mempunyai budibicara untuk melantik pelelong berlesen untuk membantu dalam pelaksanaan lelongan awam tersebut. Pelelong-pelelong berlesen tidak boleh menyatakan

bahawa mereka mempunyai hak di sisi undang-undang untuk dilantik dalam proses lelongan awam ini.

[20] Peruntukan seksyen 259(1) dan (2) ini juga adalah jelas tanpa sebarang kekaburan dan wajar diberikan kesan terhadap maksud ayat peruntukan ini secara literal.

[21] Berhubung isu ini, Mahkamah Persekutuan dalam kes ***Dr. Koay Cheng Boon v Majlis Perubatan Malaysia [2012] 4 CLJ 445; [2012] 3 MLJ 173*** menjelaskan seperti berikut :

"[48] A statute is the written will of the Legislature. It is the fundamental rule of interpretation of a statute that should be expounded according to the intent of Parliament. Courts must use the literal rule where a clear meaning of a statute will allow it, ie, interpret the statute literally, according to its ordinary plain meaning. In the event of the words of the statute being precise and unambiguous in themselves, it is only just necessary to expound those words in their natural and ordinary sense.

[22] Begitu juga dalam kes ***PP v Sihabduin Haji Salleh & Anor [1981] CLJ 39; [1981] CLJ (Rep) 82; [1980] 2 MLJ 273***, di mana Mahkamah Persekutuan menyatakan :

"The words of Lord Diplock in an authority cited by my Lord President, Duport Steels Ltd v Sirs, seem to me to be particularly apt, for 'the role of the judiciary is confined to ascertaining from the words that Parliament has approved as expressing its intention what that intention was, and to giving effect to it. Where the meaning of the statutory words is plain and unambiguous it is not for the judges to invent fancied ambiguities as an excuse for failing to give effect to its plain meaning because they themselves consider that the consequences of doing so would be inexpedient, or even unjust or immoral."

- [23] Selain dari itu, pengeluaran Arahan Amalan Pendaftar Mahkamah Tinggi ini adalah berdasarkan peruntukan undang-undang iaitu Aturan 31A dan seksyen 259 Kanun Tanah Negara seperti yang dirujuk sebelum ini. Sehubungan itu, ianya perlu dipatuhi.
- [24] Berhubung perkara ini juga, Keputusan majoriti Mahkamah Persekutuan dalam kes **Megat Majmuddin Dato Seri (Dr) Megat Khas v Bank Bumiputera Malaysia Bhd [2002] 1 CLJ 645**, memutuskan seperti berikut :

*“It is true that the Chief Justice has been empowered under r. 110 Rules of the Federal Court 1995 to issue Practice Directions. So has the presiden of the Court of Appeal under r. 77 Rules of the Court of Appeal. Nevertheless, it cannot have been in the contemplation of Parliament that they can issue Practice Directions in direct conflict with procedural rules of court which have been statutorily laid down. In my view, to the extent that such Practice Directions are in conflict, in the sense of superceeding or deviating substantially from statutory rules of court, they are of no legal effect whatsoever. Of course, **once Practice Directions have been properly and legally issued, they must be complied with. I believe that to be trite:** (see *Yeo Yoo Teik v, Jemaah Pengadilan Sewa, P.Pinang & Anor [1996] 2 CLJ 628; Raja Guppal a/l Ramasamy v. Sagaran a/l Pakiam [1999] 2 CLJ 972.*”*

- [25] Sehubungan itu, Arahan Amalan yang dikeluarkan dalam kes ini wajar dipatuhi, lebih-lebih lagi ianya menurut kehendak undang-undang.
- [26] Seterusnya, pelaksanaan system e-Lelong ini dan pengeluaran Arahan Amalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Bilangan 1 Tahun 2018 yang selaras dengan undang-undang ini, tidak boleh dikatakan telah melanggar Perkara 5(1), Perlembagaan Persekutuan.

[27] **Perkara 5(1)**, Perlembagaan Persekutuan menyatakan :

“No person shall be deprived of his life or personal liberty save in accordance with law.”

[28] Jelasnya, hak seseorang di bawah Perkara 5 ini boleh dibatasi berdasarkan undang-undang. Ini dijelaskan lagi oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes ***Pihak Berkuasa Negeri Sabah v Sugumar Balakrishnan & Another Appeal [2002] 4 CLJ 105***, di mana Mohamed Dzaidin HMP menyatakan seperti berikut :

“Similarly, in PP v. Yee Kim Seng, it was held that art. 5(1) of the Federal Constitution was not infringed because the accused was not going to be deprived of life or personal liberty except in accordance with law. And the law in that case was the Internal Security Act 1960 1960 which was a perfectly valid law passed by Parliament.

In Kulasingan, Abdoolcader J (as he then was) said at p.211:

The legislature can by clear words exclude the principles of natural justice in the absence of specific constitutional guarantees.

It is clear from the authorities that the constitutional rights as guaranteed under art. 5(1) of the Federal Constitutional can be taken away in accordance with law.”

[29] Di dalam kes pemohon pula, pemohon tiada sebarang hak di sisi undang-undang dalam pelaksanaan lelongan awam kerana penglibatan pelelong berlesen adalah atas budibicara Mahkamah.


- [30] Sehubungan itu, Perkara 5(1), Perlembagaan Persekutuan adalah tidak terpakai. Tambahan pula, pelaksanaan sistem e-Lelong ini bermatlamat untuk mempertingkatkan efisiensi sistem lelongan awam dan memastikan ketelusan sistem berkenaan.
- [31] Pemohon juga gagal menunjukkan sebarang asas untuk pemakaian Perkara 8(1), Perlembagaan Persekutuan, iaitu kesamarataan di bawah undang-undang.
- [32] Saya juga telah mempertimbangkan alasan-alasan yang diberikan oleh pemohon seperti dinyatakan terdahulu dan mendapati ianya tidak boleh dipertahankan.

Kesimpulan

- [33] Berdasarkan huraian di atas, saya dapati keputusan pengeluaran Arahan Amalan Pendaftar Mahkamah Bilangan 1 Tahun 2018 bagi melaksanakan sistem e-Lelong di Mahkamah Tinggi tidak dicemari dengan sebarang pelanggaran undang-undang, tidak rasional atau ketidakaturan prosedur.

[34] Sehubungan itu, permohonan semakan kehakiman pemohon adalah ditolak dengan kos RM5,000.00.

BERTARIKH 21 OKTOBER 2019

A handwritten signature in black ink, consisting of a large, stylized initial 'N' followed by 'ordin Bin Hassan' in a cursive script, with a long horizontal line extending to the right.

[NORDIN BIN HASSAN]

HAKIM

**BAHAGIAN RAYUAN DAN KUASA-KUASA KHAS
MAHKAMAH TINGGI KUALA LUMPUR.**

Pihak-Pihak :

- [1] Mohamed Haniff Khatri Abdullah &
Nur Izzaida Zamani
Tetuan Haniff Khatri
Peguambela dan Peguamcara
No. 26, Tingkat Atas
Jalan Camar 4/3, Seksyen 4
Kota Damansara
47800 Pealing Jaya
Selangor D.E. ...bagi pihak
Pemohon
- [2] SFC Suzana Binti Atas &
SFC Natra Idris
Peguam Kanan Persekutuan
Jabatan Peguam Negara
Bahagian Guaman
Aras 3, Blok C3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya. ...bagi pihak
Responden